

SAMBAR GILA BUKIT
Spotted Fantail

FAMILI: Rhipiduridae
NAMA SAINTIFIK: *Rhipidura perlata*



CIRI-CIRI

Individu dewasa mudah dibezakan dengan spesies lain melalui bulunya yang hitam seragam, tongkeng putih dan bintik-bintik putih yang ketara pada tekak dan dada. Pada hujung ekor terdapat warna putih yang lebar, kening putih kecil dan biasanya menunjukkan bintik putih yang kecil pada hujung bulu pahat sayap. Burung juvenil pula mempunyai bahagian atas yang lebih coklat, dengan hujung coklat sehingga ke bulu pahat sayap. Panjang keseluruhan bagi individu dewasa ialah 17-18 sm.

MAKANAN

Dietnya terdiri daripada serangga yang ditangkap semasa terbang.

HABITAT

Habitat yang sesuai bagi spesies ini ialah di hutan dipterokarp, sehingga ke ketinggian 1,130 m dari aras laut.

BUNYI

Spesies ini mengeluarkan bunyi *chilip pechilip-chi* dengan frasa kedua semakin nyaring.

PEMBIAKAN

Musim pembiakan bagi spesies ini adalah di antara bulan Jun hingga Ogos. Individu betina boleh menghasilkan 2 biji telur semasa musim pembiakan. Sarangnya berbentuk seperti cawan yang kemas, biasanya pada dahan yang bercabang, pokok menjalar atau pokok memanjat, sehingga 3 m dari tanah.

STATUS

Akta 76/72, dipelihara sepenuhnya.